

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1990/91

Oktober/November 1990

EMU 410 Jurutera Dalam Masyarakat II

Masa : [2 jam]

ARAHAN KEPADA CALON

Sila pastikan bahawa kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** muka surat bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **DUA (2)** soalan dari Bahagian A dan **DUA (2)** soalan dari Bahagian B.

Akta Kontrak 1950 dan kertas graf akan disediakan.

Jawapan untuk setiap bahagian hendaklah diikatkan di dalam buku jawapan yang berasingan.

Semua soalan mestilah dijawab dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

BAHAGIAN A

1. Tulis nota ringkas mengenai perkara berikut:
 - (a) Klasifikasi dan sumber undang-undang di Malaysia. (40 markah)
 - (b) Prinsip jiran. (30 markah)
 - (c) Untung rahsia yang dibuat oleh agen. (30 markah)
2. Janji yang dibuat tanpa balasan itu tidak sah. Bincangkan kenyataan ini dan sebut pengecualian mengenainya, jika ada. (100 markah)
3. Penerimaan bagi sesuatu cadangan itu hendaklah dikomunikasikan kepada yang membuat cadangan. Adakah pengecualian baginya dan jika ada bincangkan. (100 markah)
4. Encik Latif telah menawarkan keretanya kepada Encik Borhan dengan harga \$20,000.00. Encik Borhan bersetuju dengan harga yang ditawarkan tetapi meminta agar dia dibenarkan menjelaskan jumlah tersebut dalam masa seminggu. Encik Latif tidak bersetuju lalu Encik Borhan mengurangkan tempoh kepada tiga hari sahaja. Encik Latif tidak berkata apa-apa. Tiga hari kemudian Encik Borhan datang untuk membayar harga kereta tetapi terperanjat apabila diberitahu bahawa kereta tersebut telah dijual oleh Encik Latif kepada Encik Syafiq. Adakah Encik Borhan berhak mengambil tindakan undang-undang terhadap Encik Latif? (100 markah)

...3/-

BAHAGIAN B

4. Sebagai seorang usahawan yang baru memperolehi ijazah daripada Universiti Sains Malaysia, anda bercadang membuka suatu perusahaan. Bagaimanakah cara-cara anda untuk mendapatkan sumber-sumber modal, jenis-jenis modal yang difikirkan baik, cukai-cukai yang mungkin terlibat dalam perniagaan tersebut dan bagaimanakah anda dapat menentukan yang modal anda itu mempunyai 'leverage' yang positif?

(100 markah)

5. **SAMA ADA**

- (a) Secara amnya, kos pengeluaran boleh dibahagikan kepada tiga elemen. Terangkan ketiga-tiga elemen kos tersebut:

- (i) Bahan Mentah Langsung
- (ii) Buruh Langsung
- (iii) Kos Overhead Kilang

(100 markah)

ATAU

- (b) Dalam perakaunan pengurusan ada tiga konsep kos dan kelakuannya yang membolehkan kita mencari dan menganalisa kos pengeluaran di dalam membuat keputusan. Terangkan ketiga-tiga konsep kos dan kelakuannya?

- (i) Kos Tetap
- (ii) Kos Berubah
- (iii) Kos Bercampur

(100 markah)

-oooooooooooo-